

UTHM sapu bersih

■ Bolot 10 pingat termasuk Anugerah Khas MTE 2017



DR Nickholas (empat dari kanan) bersama penyelidik lain menunjukkan dua anugerah khas yang dimenangi oleh UTHM di dalam MTE 2017.

Mohamad Fahd Rahmat
fahd@hmetro.com.my

Batu Pabat

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) mencipta sejarah apabila membolot 10 pingat pada 'Malaysia Technology Expo' (MTE) 2017 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) Kuala Lumpur baru-baru ini.

Malah, UTHM turut menerima Anugerah Khas MTE 2017 dan juga Anugerah Best of the Best MTE 2017.

Wakil Unit Perhubungan Awam UTHM, Suriyati Baharom berkata, UTHM meraih tiga pingat emas, tiga

“**Kemenangan berkenaan diperoleh melalui produk 'Moval Drain System' yang juga satu daripada 10 penyertaan UTHM pada ekspo dan pameran reka cipta serta inovasi yang masuk kali ke-17 itu**”

Suriyati

perak dan empat gangsa pada program yang berlangsung 16 hingga 18 Februari itu.

“Pada MTE 2017 juga, penyelidik UTHM, Dr Nickholas Anting Guntur turut membanggakan pihak uni-

versiti apabila dianugerahi Anugerah Khas MTE 2017 dan Anugerah Best of the Best MTE 2017.

“Kemenangan berkenaan diperoleh melalui produk 'Moval Drain System' yang juga satu daripada 10 penyertaan UTHM pada ekspo dan pameran reka cipta serta inovasi yang masuk kali ke-17 itu.”

“Paling mengembirakan UTHM, semua 10 penyertaan membawa pulang pingat dan ia satu sejarah baru buat kami,” katanya ketika dihubungi semalam.

Katanya, pertandingan itu menarik 300 penyertaan termasuk dari Indonesia, Taiwan dan beberapa negara Eropah.

“Penyertaan UTHM pada MTE 2017 adalah langkah terbaik untuk penyelidik kerana ia mendapat pengiktirafan, seterusnya peluang mengkomersialkan teknologi, inovasi serta produk yang dihasilkan sehingga ke peringkat antarabangsa.

“Ia menjadi batu loncatan kepada penyelidik universiti mencipta nama, seterusnya mencipta kejayaan melalui galakan seperti ini,” katanya.

Katanya, dalam pertandingan kali ini, ia dibahagikan kepada tiga kategori iaitu 'Invention & Innovation Awards' 2017, 'Malaysia International Design Expo & Awards' (mIDEAS) 2017 dan 'Asian Youth Innovation Awards & Expo 2017'.